

10 MAY 2000

ASM-LANGGANAN

AMANAH SAHAM MALAYSIA HABIS DILANGGAN

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Kesemua 2,000 juta unit Amanah Saham Malaysia (ASM) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 20 April lepas telah habis dilanggan hari ini, kata Hamad Kama Piah Che Othaman, Ketua Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Bhd (PNB), hari ini.

Beliau berkata dalam satu kenyataan bahawa mulai hari ini, unit-unit ASM hanya boleh dibeli sekiranya terdapat pelabur yang menjual balik pelaburan mereka. -- BERNAMA

MFJ OS